

**Pembangunan kemudahan fizikal Pelajar OKU
(Orang Kepelbagaian Upaya)
di Kolej Kediaman Za'ba,
Universiti Malaya**

Mohd Salleh Aman, Ph.D
Pusat Sukan / Kolej Kediaman Za'ba
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur.
amanms@um.edu.my

**Pembangunan kemudahan fizikal pelajar OKU
(Orang Kepelebagaian Upaya) di Kolej Kediaman Za'ba,
Universiti Malaya**

Mohd Salleh Aman, Ph.D
Pusat Sukan / Kolej Kediaman Za'ba
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur.
amanms@um.edu.my

Abstrak

Penulisan ini memuatkan pengalaman pentadbiran membangunkan kemudahan fizikal pelajar OKU (Orang Kepelebagaian Upaya) di Kolej Kediaman Za'ba Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Data dan bahan penulisan diperolehi melalui kajian perpustakaan, pemerhatian, temubual dan lawatan teknikal. Analisis fotografi adalah kaedah utama yang digunakan. Sampel terdiri daripada 25 orang pelajar OKU – cacat penglihatan dan fizikal. Mereka sangat memerlukan kemudahan-kemudahan untuk tujuan orientasi persekitaran dan mobiliti terutamanya di sekitar kawasan kediaman semasa di universiti. Lawatan teknikal penulis di UCLA, Amerika Syarikat memberi idea dan hala tuju pembangunan untuk warga istimewa ini. Beberapa kemudahan fizikal pelajar OKU telah dibangunkan di kolej ini termasuk Braille paver, rem, lift, van khas, bangunan kegiatan pelajar OKU, kaunter rendah, ubahsuai bilik-bilik kediaman dan kemudahan-kemudahan sokongan lain seperti ampaian berbumbung, rem tambahan, laluan khas dan dataran refleksologi. Penyediaan kemudahan ini membolehkan pelajar OKU berdikari dan lebih bebas bergerak dan beraktiviti. Dikenalpasti bahawa spesifikasi penambahbaikan bilik-bilik kediaman pelajar OKU adalah berbeza mengikut jenis 'kecacatan'. Penyediaan kemudahan-kemudahan di atas sangat dihargai dan digunakan dengan maksimum oleh pelajar OKU. Bagaimanapun usaha ini hanya merupakan langkah pertama ke arah pembangunan warga OKU yang lebih komprehensif di universiti.

Kata kunci: Pembangunan kemudahan fizikal OKU; Pelajar OKU / Warga Istimewa; Kolej Kediaman dan Universiti.

Pengenalan

Penulisan ini memuatkan pengalaman pengurusan pembangunan kemudahan warga istimewa (pelajar OKU) di Kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya. Pembangunan yang dilakukan adalah secara berperingkat, mengikut keutamaan semasa dengan berdasarkan keperluan pengguna di kolej. Matlamat akhir pembangunan ini adalah untuk menyediakan kemudahan OKU yang komprehensif – fizikal dan kemanusiaan – seluruh universiti. Untuk seminar ini, tumpuan diberi kepada catatan pengalaman membangunkan kemudahan fizikal warga istimewa di kolej kediaman.

Latar belakang

Mahasiswa dari kalangan warga istimewa mempunyai hak mendapat orientasi dan mobiliti di persekitaran universiti. Secara berbanding kumpulan ini menghadapi laluan yang lebih getir untuk berjaya masuk ke universiti berbanding pelajar normal. Kesulitan yang dihadapi berbeza-beza pula antara mereka yang menghadapi masalah penglihatan, berkerusi roda, spastik, sehingga ada di antara mereka yang tidak berjaya dalam peperiksaan STPM atau Diploma semata-mata kerana gagal mengatasi halangan 'kecacatan' mental dan fizikal. Menjadi tanggungjawab universiti memberi layanan yang adil kepada semua selagi ianya berkaitan dengan urusan akademik. Inisiatif membangunkan kemudahan khusus warga istimewa di kolej kediaman telah diambil oleh pentadbiran Kolej Kediaman Za'ba dengan sokongan pengurusan Universiti Malaya.


Kolej Kediaman Za'ba Universiti Malaya ditubuhkan pada September 1974. Nama kolej ini mengambil sempena nama tokoh bahasa dan pemikir Melayu, Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dan berpegang pada motto "Kami Bersatu". Terdiri daripada 4 blok bilik-bilik kediaman pelajar, dilengkapi dewan makan, ruang pejabat dan bangunan-bangunan khas seperti Balai Za'ba dan Seri Jati – Bangunan kegiatan pelajar istimewa. Pada awal penubuhan, penghuninya berjumlah 600 orang, kini meningkat kepada 800 termasuk pelajar istimewa yang jumlah puratanya antara 25 orang setiap sesi. Jadual 1 menunjukkan profil pelajar OKU bagi sesi 2008 / 2009, kolej Kediaman Za'ba, Universiti Malaya:

| Jadual 1: MAKLUMAT PELAJAR OKU KOLEJ ZAABA' SESI 2008/2009 | | | | | | | |
|---|---|----------------------------------|---------------------------|--------------------------|---------------|-------------------------|---------------------------------|
| BIL | NAMA | FAKULTI | TAHUN AKADEMIK | JAN TIN A | BANGSA | TEMPAT LAHIR | JENIS KECACATA N |
| 1 | Uma Shangari A/P Selvamani | Sastera & Sains Sosial | 1 (08/09) | P | India | Taipng | Penglihatan |
| 2 | Nurul Nalya binti Abd. Ghani | Sastera & Sains Sosial | 1 (08/09) | P | Melayu | Kedah | Penglihatan |
| 3 | Siti Atikah binti Ayob | Sastera & Sains Sosial | 2 (07/08) | P | Melayu | Pulau Pinang | Penglihatan |
| 4 | Azmar Izzaidah binti Azhar | Akedemi Pengajian Melayu | 3 (06/07) | P | Melayu | Melaka | Penglihatan |
| 5 | Wong Wang Shin | Bahasa & Linguistik | Master | P | Cina | Sarawak | Anggota |
| 6 | Syafawati binti Abd. Jamal | Akedemi Pengajian Melayu | 3 (06/07) | P | Melayu | Pahang | Penglihatan |
| 7 | Noor Izati binti Meor Samsudin | Sastera & Sains Sosial | 1 (08/09) | P | Melayu | Perak | Penglihatan |
| 8 | Gomathi A/P Sudramaniam | Akedemi Pengajian Melayu | 3 (06/07) | P | India | Kuala Lumpur | Penglihatan |
| 9 | Nurul Atikah binti Dalil @ Dalal | Sastera & Sains Sosial | 1 (08/09) | P | Melayu | Selangor | Penglihatan |
| 10 | Norzirah binti Othman | Sastera & Sains Sosial | 1 (08/09) | P | Melayu | Perlis | Penglihatan |
| 11 | Nurul Nadia binti Abd. Ghani. | Sarjana Pengajian Melayu | 1 (08/09) | P | Melayu | Kedah | Penglihatan |
| 12 | Hanis Masturah binti Mustafa Kamal | Sains Komputer & Teknologi | 3 (06/07) | P | Melayu | Perak | Anggota |
| 13 | Muhasniza binti Mustafa Kamal | Sains Komputer & Teknologi | 2 (07/08) | P | Melayu | Perak | Anggota |
| 14 | Siti Saleha bt Adnan | | Master | P | Melayu | | Penglihatan |
| 15 | Mohd. Noor Hidayat bin Mohd. Hashim | Ekonomi | 4 (05/06) | L | Melayu | Perak | Anggota |
| 16 | Mohd. Rizal bin Mat Noor | Ekonomi & Pentadbiran | 2 (07/08) | L | Melayu | Johor | Anggota |
| 17 | Azhar bin Kamis | Sastera & Sains Sosial | 3 (06/07) | L | Melayu | Perlis | Penglihatan |
| 18 | Mohd Yakop bin Ikram | Sastera & Sains Sosial | 2 (07/08) | L | Melayu | | Penglihatan |
| 19 | Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor | Sastera & Sains Sosial | PhD | L | Melayu | Kedah | Anggota |
| 20 | Lim Tien Hong | Ekonomi & Pentadbiran | Master | L | Cina | Perak | Penglihatan |
| 21 | Norbaidillah bin Bakri | Pendidikan | 1 (08/09) | L | Melayu | Kelantan | Anggota |
| 22 | Mohd Ruzaidi bin Hamdan | Pendidikan | | L | Melayu | Perak | Penglihatan |
| 23 | Ahmad Arif bin Kamarruddin | Ekonomi & Pentadbiran | | L | Melayu | Kuala Lumpur | Penglihatan |
| 24 | Muhammad Marwan bin Mohd Tanos | Akedemi Pengajian Melayu | 1 (08/09) | L | Melayu | Sabah | Penglihatan |
| 25 | Mohd Hafis bin Abdul Rahman | Ekonomi & Pentadbiran | 2 (07/08) | L | Melayu | Perak | Penglihatan |
| 26 | Ahmad Samsuri | Sastera & Sains Sosial | | L | Melayu | | |


Rasional

OKU pada asasnya menjalani kehidupan dalam persekitaran fizikal orang normal. Mereka sebenarnya ingin melalui aktiviti harian di kampus sebagaimana mahasiswa biasa. Seboleh-bolehnya mereka ingin bebas pergi-balik dari kolej ke fakulti, keluar masuk bangunan pentadbiran universiti untuk menyelesaikan urusan pendaftaran, keluar bersiar-siar, makan-minum, *shopping*, dan menikmati aktiviti-aktiviti harian di universiti, dengan menyedari kekurangan dan batas-batas yang ada pada diri. Halangan utama yang dilalui setiap hari oleh OKU ialah untuk menerima 'kekurangan' diri dan memahami apa sahaja keterbatasan hidup sebagai satu hakikat. Melalui masa mereka menerima realiti ini, namun tetap berharap kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan dengan peralatan dan kemudahan tertentu. Mereka memerlukan perbelanjaan perubatan seperti rawatan secara konsisten dan peralatan seperti kerusi-roda bermotor, van khas, perisian komputer bersuara dan pita rakaman, demi meningkatkan kualiti kehidupan mereka meskipun memerlukan perbelanjaan yang tinggi.


Lawatan teknikal penulis Di University of California Los Angeles (UCLA) Amerika Syarikat mengenalpasti bahawa Pusat Pengajian Tinggi ini mempunyai jabatan khas peringkat universiti menguruskan hal ehwal warga istimewa terutama berkaitan orientasi mobiliti dan pembelajaran. Berikut dipaparkan beberapa gambar foto yang memberi maklumat pengurusan warga istimewa di UCLA:



- (1) KHATY MOLINI, Director of UCLA's Office for Students with Disabilities (OSD). A Post-Polio Wheelchair
- (2) Pintu masuk ke pejabat OSD – dibuka oleh KHATY MOLINI menggunakan butang automatik
- (3) Penulis bersama seorang PROCTOR (Proctoring = Test Taking Guidelines). Proctor ini bertugas di 181, Powell Library – memastikan integriti persekitaran ujian dan menyediakan kemudahan asas pelajar OKU yang mengambil ujian di bilik-bilik khas.




- (4) **Scanner** digunakan untuk *scan* buku teks. Komputer berprogram khas (bersuara) digunakan untuk membaca teks. Meja mudah-ubah sesuai dengan ketinggian pengguna kerusi roda.



- (5) Ruang khas tempat letak kereta pelajar / staf OKU dan papan tanda rem. Simbol ini ada di merata tempat seluruh kampus UCLA



- (6) Kemudahan rem disediakan di tingkat 4 kawasan tempat letak kereta dan kemudahan pintu automatik di bangunan Pusat Kegiatan Pelajar




- (7) (Lawatan di *Recreation Centre, UCLA*) Basikal dikayuh menggunakan tangan - peralatan senaman menguatkan tangan dan kerusi-roda khas digunakan untuk bermain bola keranjang

Lawatan teknikal ini memberi idea dan garis panduan untuk membangunkan kemudahan fizikal OKU di Kolej Kediaman Za'ba. Rancangan pembangunan di sini disesuaikan dengan jumlah peruntukan dan keperluan pengguna.

Kemudahan-kemudahan pelajar OKU

Pengurusan Universiti Malaya telah menyokong rancangan membangunkan beberapa kemudahan fizikal pelajar OKU di Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba). Berikut adalah kumpulan-kumpulan foto yang berketerangan.

Kumpulan Foto 1: Braille paver



Braille Paver: Di bina merentasi permukaan jalan tar sebagai laluan khas pelajar 'cacat' penglihatan. Laluan ini membolehkan mereka bergerak lebih cepat dan yakin.

Kumpulan Foto 2: Rem



Rem untuk pelajar OKU berkerusi roda dibina di beberapa tempat dalam kolej. Laluan khas ini dilengkapi palang besi daripada "pintu kedua" menuruni bukit sehingga masuk ke kediaman pelajar, Blok D.

Kumpulan Foto 3: Lift



Kemudahan lift membolehkan pelajar OKU berkerusi roda hadir ke Dewan Nukleus (Dewan Makan), berinteraksi dengan pelajar lain pada waktu makan tengahari dan malam, dan sewaktu mengikuti aktiviti-aktiviti pelajar di Kolej.

Kumpulan Foto 4: Van Khas OKU



Van Khas ini dilengkapi dengan *motorise-lift* bagi memudahkan pelajar berkerusi roda naik dan turun. Biasanya van digunakan untuk ke fakulti, hospital dan Sembahyang Jumaat. En. Suhaimi dilantik sebagai pemandu / petugas khas.

Kumpulan Foto 5: Bangunan Seri Jati

Bangunan Seri Jati dibina untuk pelajar-pelajar OKU menjalankan kegiatan akademik dan persatuan. Di sini ditempatkan peralatan pengajaran dan pembelajaran termasuk komputer, printer, mesin braille, Al Qur'an dan buku-buku serta perabot-perabot asas seperti almari, meja dan kerusi. Ruangannya mesyuarat dibangun ini juga digunakan untuk perjumpaan persatuan PERMIUM (Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya) dengan sukarelawan, pemimpin-pemimpin pelajar kolej dan mesyuarat pentadbiran



Kumpulan Foto 6: Kaunter rendah

Pelajar-pelajar OKU berurusan di pejabat am – pertanyaan, ambil surat berdaftar, *check-in check-out*, dan lain-lain.



Kumpulan Foto 7: Bilik pelajar OKU berkerusi roda

Bilik ini mempunyai pintu utama dan pintu bilik air yang lebih lebar, dibuka secara *sliding*. Bilik air dibina didalam – dilengkapi tempat duduk untuk mandi, shower dan railling.



Kumpulan Foto 8: Kemudahan-kemudahan Lain

- **Ampaian berbumbung – polycarbinet** : memudahkan pelajar OKU menjemur/meninggalkan pakaian mereka sampai kering
- **Rem tambahan**: membolehkan pelajar OKU berkerusi roda menyertai perhimpunan dan program rekreasi di gelanggang bola keranjang.
- **Laluan khas** menuju kawasan gerai dan koperasi Kolej Kediaman Za'ba.
- **Laluan refleksologi**: dibina bersebelahan laluan jalan kaki 'braille paver'. Lebih kerap digunakan pada waktu petang dan malam untuk 'senaman tapak kaki'.



Dapatan dan perbincangan

Pembangunan kemudahan pelajar OKU adalah pembangunan komprehensif yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar OKU menjalani kehidupannya sebaik mungkin sebagaimana orang normal. Pembinaan '*Braille Pavers*', *lift* dan bangunan Seri Jati tempat mereka menjalankan aktiviti dapat meningkatkan kualiti hidup warga ini di kampus. Mereka mulai berdikari dan lama kelamaan akan terbentuk sikap tidak bergantung kepada orang ramai untuk bergerak dan menyertai aktiviti di kolej.

Kemudahan fizikal yang disediakan didapati berbeza mengikut kecacatan. Pelajar OKU berkerusi roda memerlukan bilik penginapan yang ada bilik air di dalamnya. Memiliki pintu masuk dan pintu bilik air yang lebar dan bertombol rendah. Ruang bilik dan ruang bilik air hendaklah cukup besar untuk memusingkan kerusi roda. Kedudukan laci, almari dan meja belajar dibina setara dengan ketinggian kerusi roda. Bilik penginapan pelajar 'cacat penglihatan' pula memerlukan lebih banyak rak dan meja yang lebih lebar untuk mereka meletakkan alat perakam, *ear-phone*, telefon bimbit, laptop dan radio-kaset. Dinding bilik mereka sebaiknya dicat dengan warna cerah. Lampu hendaklah cukup terang dan tidak digalakkan memasang kipas di bawah lampu kerana ia akan mengurangkan jumlah cahaya yang akan sampai ke bawah. Ternyata, pendekatan membangunkan kemudahan bilik penginapan pelajar OKU tidak boleh mengikut spec normal.

Kesimpulan

Pengalaman mentadbir sebuah kolej kediaman di universiti yang didiami oleh pelajar OKU adalah menarik dan mencabar. Warga istimewa ini adalah mereka yang sangat sensitif, yang memerlukan masa untuk didekati dan difahami. Melalui pembacaan, pemerhatian, temubual dan lawatan teknikal membolehkan penulis mencadangkan dan menguruskan pembangunan kemudahan fizikal sebagaimana yang dinyatakan di atas. Matlamat akhir seorang OKU adalah untuk bebas menjalani kehidupan seperti orang normal. Maka pembangunan fizikal tidak akan lengkap tanpa pembangunan kemanusiaan yang melibatkan program akademik, aktiviti persatuan, kursus-kursus pembangunan kemahiran komputer dan latihan menggunakan alat pandang-dengar. Pembangunan kemudahan fizikal OKU yang diusahakan di Kolej Kediaman Za'ba universiti Malaya hanya merupakan langkah pertama kearah pembangunan yang lebih komprehensif.

Bibliografi

Automobile Association AA Guide for the Disabled Traveller, The Automobile Association, London, 1994.

James, H. & Judith. (1990) Making leisure provision for people with profound learning and multiple disabilities. London: Chapman and Hall.

Lusk, Julie Tapin (Ed.)(1983) The handi book: A reference manual for personel working with handicapped students. Department of Education, Washington, DC: Roanoke College, Salem, VA 24153.

Edelson, Phyllis,ed. Foundation Grants to Individuals Online
<http://gtionline.foundationcenter.org/>

Disability Funders Network <http://www.disabilityfunders.org/>

The complete directory for people with disabilities: A comprehensive source book for individuals and professionals. Millerton, NY: Grey House Publishing, Inc.